

01/09/2003

Bowling kini sukan kegemaran wakil rakyat

Raja Ahmad Zainuddin

TIGA hari dua malam, kami anggota Parlimen dari Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) berkampung di pulau Langkawi minggu lalu yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelang persidangan Dewan Rakyat yang bermula hari ini.

Rakan-rakan yang datang dari selatan, Sabah dan Sarawak kebanyakannya menaiki pesawat. Saya pula memilih feri dari Kuala Perlis untuk ke pulau legenda itu melalui jalan darat termasuk Changlun di dalam kawasan parlimen Kubang Pasu yang diwakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Kami tidak pula lupa bertanya khabar di antara satu dengan yang lain setelah sekian lama tidak berjumpa selepas tamat persidangan Parlimen yang lalu. Sementara menunggu jamuan makan malam, Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Mahadzir Khalid sempat menyapa tentang rencana tulisan saya minggu lalu, berhubung jersi David Beckham kehabisan.

Begitupun, pengerusi BBC Datuk Mohamed Zain Mohamed turut menjadi sasaran kerana berat badannya semakin susut. Ada juga yang mencuba cara Ahli Parlimen Shah Alam itu berjoging, tetapi tidak ramai yang berjaya walaupun ada yang bagaikan hangat-hangat tahi ayam. Sebaliknya mereka yang kaki bermain golf lebih suka berbuat demikian daripada bermandikan peluh sama ada bersenam atau melakukan kegiatan riadah yang lain.

Bagi ahli politik, menurunkan berat badan sebanyak lapan kilo bukanlah satu perkara yang mudah, tetapi ini telah dapat dilakukan oleh Datuk Mohamed Zain. Bekas pengerusi BBC, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis hingga ke hari ini masih konsisten melakukan joging, selain berkuda dan bermain golf, walaupun sekarang sudah menjadi menteri kabinet.

Sebenarnya, soal menjaga kesihatan ini amatlah penting. Maklumlah jika tidak ada persidangan Parlimen, kami sentiasa dihujani jemputan rasmi dan lebih parah lagi jika adanya kenduri kahwin yang sudah tentu tidak dapat mengelakkan daripada makan berlebihan.

Bagi Ahli-ahli Parlimen yang tidak berjoging atau bermain golf, ada juga yang bermain badminton seperti Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib dan bekas Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan yang juga Orang Besar Jajahan Kinta.

Jika dibandingkan dengan isteri masing-masing, tidak kiralah sama ada dari kalangan menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan ahli parlimen itu sendiri, kami agak ketinggalan kerana mereka cukup aktif dalam perlawanan badminton yang digerakkan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan di peringkat negeri isteri Menteri Besar dan Ketua Menteri, kecuali di Kelantan dan Terengganu.

Pada suatu ketika, BBC pernah menganjurkan perlawanan bola sepak. Tetapi sekarang agak jarang bahkan dalam penggal Parlimen bersidang sejak pilihanraya umum 1999 belum ada terdengar apa-apa cadangan untuk mengadakannya jika tidak Perdana Menteri dan timbalannya sudah pasti turun,

Begitupun sukan bowling sambutan daripada wakil-wakil rakyat cukup menggalakkan. Sudah dua kali pertandingan bersama media tempatan diadakan yang turut disertai Timbalan Perdana Menteri dan kakitangan pejabatnya.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali telah mula berjinak di dalam permainan itu dan baru-baru ini, ketika isteri mereka sibuk dalam pertandingan badminton di Melaka, beliau mengetuai serombongan Ahli Dewan Negeri bermain bowling di sebuah pusat membeli

belah di Melaka.

Bermain bowling agaknya lebih mudah dan tidak mungkin ada mana-mana wakil rakyat yang akan menolak, tidak kira sama ada mereka sudah bercucu atau masih dalam usia muda. Setidak-tidaknya, menggalakkan mereka bersukan daripada tiada langsung.

Kita masih tidak lupa kepada kehebatan seorang nenek Shirley Chow yang pernah menjadi ratu bowling negara dan bergelar juara Sukan Sea pada suatu ketika. Sementara saya sendiri minggu lalu turut memeriahkan pertandingan bowling yang dianjurkan oleh TNB Janamanjung, iaitu salah sebuah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad di Ipoh.

Ucapan syabas kepada Berita Harian dan Harian Metro yang sentiasa menganjurkan pertandingan bowling yang sejak akhir-akhir ini mendapat sambutan yang cukup menggalakkan daripada segenap lapisan masyarakat. Mudah-mudahan kita tidak akan ketandusan melahirkan bakat-bakat baru.

Barangkali tidak keterlaluan jika saya cadangkan pada mana-mana pemaju yang bermurah hati mengadakan kemudahan tempat bermain bowling di kawasan perumahan atau tempat-tempat yang strategik bagi memberi peluang kepada lebih ramai lagi yang berminat di dalam sukan itu.

Menteri Belia Dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein mungkin boleh melihat perkara ini dalam mana-mana projek sukan yang besar yang akan dilaksanakan masa depan supaya dapat juga memberi peluang kepada mereka yang tinggal di luar bandar.

Sukan bowling ternyata telah memberi pulangan yang agak lumayan sepertimana yang telah peserta kita berjaya lakukan hingga ke peringkat dunia dan Sukan Komanwel. Ratu bowling negara, Shalin Zulkifli adalah contoh terdekat.

Terbayang kepada saya jika projek kompleks sukan menelan belanja berjuta-juta ringgit seperti yang sedang dibina berdekatan Bukit Jana di Kamunting dekat Taiping turut memiliki kemudahan tempat bermain bowling sudah barang tentu bandar ini yang pernah suatu ketika melahirkan ramai atlit seperti M Dattaya dan Junaidah Aman akan melahirkan bintang baru pada masa depan.

Dalam membuat perancangan kita kadang-kadang memandang hanya sebelah mata, sedangkan tempat tanah lapang dan riadah amatlah penting di dalam membudayakan masyarakat kita ke arah menjanakan kegiatan yang lebih berfaedah.

Justeru, tindakan Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini supaya diwartakan semua tanah lapang kepada setiausaha kerajaan di setiap negeri daripada tangan pihak berkuasa tempatan amatlah bertepatan sekali.

Setidak-tidaknya Datuk Seri Abdullah melihat betapa kawasan lapang ini amatlah mustahak untuk kegiatan masyarakat dan tidak semuanya perlu dijadikan projek pembangunan.

Keputusan kerajaan pusat itu melegakan ramai pihak terutama mereka yang bimbang ada kawasan lapang tempat mereka bermain bola terutama di tempat yang strategik akanterus menjadi sasaran oleh pihak-pihak tertentu.

Padang-padang sekolah pun sejak akhir-akhir ini kebanyakannya semakin kecil kerana projek mendirikan bangunan-bangunan tambahan, yang tidak siapa pun boleh membantah bagi kemajuan pendidikan.

Sepanjang berada di Pulau Legenda Mahsuri itu, saya lihat banyak projek pembangunan sukan yang turut diberikan perhatian oleh Datuk Seri Dr Mahathir sekalipun Langkawi adalah destinasi pelancong dan pulau bebas cukai.

Selain stadium bola sepak, setiap tahun acara go-kart peringkat antarabangsa turut dijalankan. Begitu juga dengan perlumbaan basikal dan pameran LIMA yang mendapat sambutan dari seluruh dunia.

Pendek kata, tidak jemu mata memandang jika sesiapa yang berada di pulau yang pernah disumpah Mahsuri kira-kira 200 tahun yang lalu. Begitu juga

usia sebenar pulau itu tiada siapa yang boleh mengesahkannya termasuk Ahli Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, apabila diajukan pertanyaan, cuma sekadar memberitahu kalau hendak tahu juga ialah adanya sebuah gunung berusia kira-kira 60 juta tahun.